

# **Kerjasama Peranan Politik, Dakwah, Tarbiyah Ummat di Kalangan Para Sultan Nusantara**

**Tun Suzana Tun Hj Othman**

## **PENGENALAN**

Apabila disebut Alam Melayu, Gugusan Pulau-Pulau Melayu ataupun Alam Nusantara, dalam konteks geografi yang kita tahu hari ini ianya dimaksudkan dengan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Kepulauan Indonesia, Brunei (utara Kalimantan), Filipina dan Patani (selatan Siam).

Semenjak zaman-berzaman daerah-daerah yang terletak di Nusantara telah mendapat manfaat besar atas kedekatan dengan urat nadi lalu lintas antarabangsa yang merupakan pintu-pintu sempit yang mesti dilalui oleh kapal-kapal yang berulang alik diantara Lautan Hindi dan Laut China Selatan, membawa berbagai barang dagangan serta para pedagang dari berbagai bangsa dan pelosok dunia .

Malahan kedudukan Selat Melaka yang strategik disebabkan lokasinya yang terletak diantara Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, menjadikannya berfungsi sebagai pintu masuk bagi jaluran pelayaran serta perniagaan antarabangsa sejak abad berabad, daripada Timur Tengah dan India kepada negara Tiongkok (China) yang merupakan empayar besar, hebat, kaya dan makmur pada zaman dahulu.

Tradisi pelayaran saudagar-saudagar Arab ke Alam Nusantara terus berkekalan sehingga ke zaman kemunculan Islam di Tanah Hijaz yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Ditambah pula dengan keunikan serta kepentingan hasil mahsul yang ditawarkan oleh alam semulajadi Nusantara seperti rempah ratus, kapur barus, wang-wangian (contohnya ambar) dan sebagainya, sehingga menyebabkan rantau ini bukan sahaja berperanan penting dalam dunia perdagangan antarabangsa, malahan memudahkan penetrasi kebudayaan bangsa-bangsa yang datang untuk melakukan barter-barter dagangan disamping mengembangkan ideologi-ideologi mereka, termasuklah bangsa-bangsa Islam .

Pada hari ini, lebih 400 juta umat Islam di seluruh Asia Tenggara seharusnya bersyukur kepada Allah swt dan berterima kasih kepada para khalifah, mubaligh dan alim

ulama yang awal, yang mengambil kesempatan atas kelebihan laluan dagangan serta hasil mahsul rantau ini, untuk menghantar delegasi-delegasi dakwah dan tarbiyah di atas kapal-kapal dagangan selain armada-armada laut, sehingga wujud, menapak, menumbuh dan berkembanglah syiar Islam, membentuk dan membangunkan ketamadunan dan peradaban Islam, mengakar umbi, meluas dan meninggikan agama Allah dengan perantara kerajaan-kerajaan Islam yang tumbuh melata di merata pelosok Nusantara, di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Kepulauan Jawa, Kalimantan, Filipina, dan banyak lagi tempat-tempat lain di rantau ini, sehingga mencapai kemuncak kegemilangannya pada abad ke 18-19 Masihi sebelum dibantutkan proses ini dengan kedatangan kuasa-kuasa Barat seperti British, Belanda dan yang lain, khususnya melalui konspirasi musuh-musuh Islam melalui rekayasa sosial, budaya dan politik (*social, cultural & political engineering*) yang memudarangkan.

Pada hari ini, natijah daripada pengalaman rantau ini dengan kuasa-kuasa Barat yang berhasil campurtangan sehingga longgar ataupun terlerai terus daripada warisan leluhur khususnya terkait peradaban Islam, menjadi seperti layang-layang putus tali. Hasilnya wujud berbagai masalah kompleks pada berbagai sisi kehidupan sosial, politikal, ekonomi maupun budaya. Ianya merupakan masalah yang mendasar kerana berpunca daripada kehilangan AKAR IDENTITI dan ketirisan JATIDIRI dan HARGA DIRI kesan dari kerapuhan teras keislaman itu sendiri.

Ketirisan budaya dan jatidiri rumpun Melayu Nusantara masakini yang hakikatnya terlingkung dalam kebudayaan dan peradaban Islam, telah berhasil membentuk kalangan generasi yang menganuti budaya liberalisme, pluralisme, sekularisme, hedonisme, hatta menjadi murtad dan ateis, dikesampingkan gejala berbagai masalah politik, melemahnya keharmonian antara kaum dan banyak lagi.

Maka masanya sudah matang bagi kita, dalam rumpun kekeluargaan bangsa Nusantara ini, untuk membuat seruan khas kepada golongan bangsawan, alim-ulama, gerakan-gerakan Islam, pemuka-pemuka masyarakat, tokoh-tokoh cendikiawan, budayawan dan sebagainya, untuk sama-sama meletakkan fikir dan risau, bagaimana dan dimana dapat dicari titik pertemuan diantara kita sebagai langkah mula dalam usaha mengikhtiar kan formula-formula penyelesaian kepada berbagai kemelut yang melanda umat Islam, khususnya dalam konteks rantau Nusantara ini.

Maka apa yang harus dilakukan?

## **MEMBANGUN KEMBALI KEKUATAN SERANTAU:**

### **Naratif Nusantara**

Hasil kajian para sarjana merumuskan tentang wujudnya percampuran atau asamilisi baka, pada kebanyakan kam-kaum di rantau in. Pada hari ini, dalam darah kebanyakan kita wujud asimilasi dari baka Melayu, Bugis, Banjar, Jawa, Aceh, Minang, Rawa dan sebagainya, yang mana jejak asal usul nenek moyang kita semenjak beribu tahun adalah daripada wilayah Asia Tenggara ini, daripada induk yang asal sini.

Walaupun pada asalnya, nenek moyang kita mungkin menganuti agama atau kepercayaan, bahasa dan adat yang berbeza, namun kedatangan Islam, dan berkat dakwah dan tarbiyah alim ulama silam dengan dibantu oleh tokoh-tokoh umara yang menjadikan agama itu teras atau dasar pemerintahan, maka Islam telah dijadikan pasak dan paksi pada berbagai sisi kehidupan sehingga ramai kita berkongsi warisan budaya dan agama yang sama. Wujud pepatah “*adat bersendi kitabullah*” dan ungkapan ‘*Melayu itu Islam*’ sebagai merujuk kepada intim dan mendasarnya hubungan kita dengan ajaran Islam.

Maka dalam ikhtiar mencari suatu bentuk kerjasama diantara para raja-raja Nusantara, pada tahap minimal adalah upaya dalam memecah dan membebaskan pemikiran kita daripada belenggu ‘persempadanan nasional’ sehingga kita tak mampu melihat diri kita sebagai satu keluarga besar dalam rumpun Nusantara, khususnya sebagai persaudaraan islami, kerana telah di ‘brainwashed’ dengan kekangan nasionalisme@ kenegaraan. Bentuk kekangan minda serupa ini sebenarnya sengaja dilakukan oleh penjajah Barat atas dasar pecah-pecah perintah, sehingga kita menjadi nafsu-nafsi (sendiri-sendiri), walhal leluhur kita dahulu tidak membelah-bahagikan tetapi membangun secara kebersamaan dan kerjasama dalam semangat Ukhwah Islamiyyah sehingga apabila menggempur penjajah seperti Portugis, Belanda dan British pun kita sama-sama menghadapinya sebagai satu keluarga Islam yang besar.

Seterusnya langkah-langkah kerjasama lain adalah seperti berikut:

### i. Mewujud dan Membangunkan Pusat & Satelit Tarbiyah Ruhiyyah.

Gejala masalah sosio-budaya yang kronik seperti masakini hampir tidak wujud di Nusantara suatu masa dahulu, antaranya kerana waktu itu alim-ulama yang mengislamisasikan masyarakat tempatan adalah tergolong daripada alim-ulama sufi, yang bukan sahaja mendidik dalam perkara Tauhid dan Feqah, tetapi sekaligus ‘tarbiyah ruhiyyah’, sehingga wujud generasi demi generasi umat Islam yang mempunyai keseimbangan zahir dan batin, jasadi dan ruhani sebagai insan rabbani yang sebenar.

Di Nusantara ini, wujud zawiyyah-zawiyyah dan pusat-pusat tarbiyah ruhiyyah yang terkenal dan terunggul seperti Zawiyah Cot Kala (Aceh), Dayah Tanohabee (Aceh), Pesantren di Ampeldente, Demak, Banten (Jawa), Kota Pulau Manis (Terengganu), Pulau Besar (Melaka) dan banyak lagi.

Pepatah Melayu menyebut, *‘jikalau sesat di hujung jalan, kembalilah ke pangkal jalan’*. Maka dengan fenomena gejala sosial umat Islam yang gawat dan berleluasa masakini, antara ikhtiar yang dicadangkan adalah membangunkan kembali pusat tarbiyah ruhiyyah dan satelit-satelitnya sebagaimana formula kejayaan alim-ulama silam dalam melahirkan generasi insan rabbani di kalangan masyarakat Nusantara waktu itu.

Secara praktikalnya, dibangunkan maahad-maahad yang berupaya melahirkan generasi da’ie yang BERSANAD, berilmu, bersahsiah tinggi, berwibawa, berpandangan jauh, berjiwa besar dan BERNUANSA NUSANTARA sebagaimana resamnya para da’ie dan mubaligh Nusantara di zaman silam. Maahad-maahad ini menfokus bukan semata-mata pada pengajian ilmu Tauhid, Fiqh dan Tasawuf yang bersanad, dalam kerangka fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah sebagai warisan alim-ulama tradisional, tetapi juga skop didikan yang berpotensi melahirkan para asatizah yang membawa akhlak Muhammadi yang bersifat ‘*salaman & rahmatan*’ serta dapat menjawai peranan sebagai khadim dan duta Rasulullah ﷺ dalam konteks memakmurkan kehidupan lokal, serantau, hatta di peringkat antarabangsa.

## **ii. Pusat Pembangunan Generasi Umara & Kepimpinan Teladan**

Suatu usaha untuk membentuk jatidiri ke arah ciri-ciri keperibadian muslim & muslimat yang sebenar dengan memberi fokus dan penekanan kepada aspek tarbiyah ruhiyyah, sebaiknya diawali dengan pembangunan *stakeholder* dan *key players* dalam masyarakat sehingga menambahbaik mutu dan merit watak-watak penting dalam konteks pembangunan ummah dan negara. Umpama proses osmosis yang mana pemimpin, pentadbir dan pengurus masyarakat yang telah dibekali dengan jatidiri keislaman dan keimanan yang kental dan murni luhur akan ‘terserap’ dan hidup ciri-ciri tersebut pada berbagai sisi masyarakat dan sistem-sistem kehidupan, pengurusan dan pentadbiran negara sehingga mampu menghasilkan ketamadunan, sosia-budaya dan peradaban Islam yang sebenar, dirahmati dan direhsti Allah selain menjadi contoh tauladan yang baik kepada *moslem* dan *non-moslem* di seluruh dunia.

Iaitu suatu program seumpama “*Management Training Programme*”, yang menfokus pada aspek pemurnian dan pemantapan jatidiri kumpulan sasaran dari dunia korporat, pemimpin negara, penjawat awam terutama sekali di agensi strategik , pemimpin politik dan masyarakat. Antara matlamat program adalah mewujudkan para pemimpin yang bersifat *muraqabah*, iaitu penerapan nilai dan kesedaran bahawa diri adalah sentiasa dalam pemerhatian dan pengawasan Allah swt. Dengan itu tahap integriti dan sahsiah diri menjadi lebih ‘Quranik’ .

Pusat pembangunan umara dan pemimpin teladan ini adalah dikhkususkan kepada beberapa golongan sasaran yang spesifik dan bersifat aset insaniah yang penting dan strategik bagi negara seperti berikut:

- i. Keluarga diraja
- ii. Keluarga pemimpin politik
- iii. Keluarga-keluarga lain yang mempunyai kepentingan strategik
- iv. Pegawai tinggi kerajaan serta yang berkedudukan strategik
- v. Pelajar cemerlang

### **iii. Pusat Penyelidikan Ketamadunan dan Peradaban Nusantara (R & D)**

Menjalankan kajian dengan kerjasama dan gabungan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan serta para ilmuan dari dunia pengajian tradisional (pondok), dengan matlamat mewujudkan modul-modul serta mekanisme-mekanisme yang boleh membantu dalam pembangunan masyarakat dan negara.

### **iv. Menjalin Rangkaian Ulama-Umara Seluruh Nusantara**

Adalah penting untuk dibangunkan jaringan serta rangkaian ulama-umara seNusantara, dengan mengadakan program-program dan pertemuan-pertemuan yang berkala, bermenafaat dan penuh makna, bukan sahaja untuk saling berkenalan dan bersilaturrahim, tetapi juga membuka peluang untuk bertukar-tukar fikiran, berkongsi idea dan strategi bagaimana mengembalikan kesefahaman, kesatuan, keselamatan, kesantunan budi budaya, kesejahteraan, malahan keberkatan dan rahmat Allah s.w.t atas umat Islam, khususnya dalam konteks serantau.

Dalam hal ini, sejarah islamisasi Nusantara membuktikan ‘Naratif Nusantara’ dalam kerangka fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah telah berhasil mewujudkan kegemilangan ketamadunan dan peradaban kesultanan-kesultanan silam, maka jaringan dan rangkaian ulama-umara Nusantara seharusnya dimenafaatkan dengan memberi fokus pada upaya mencari strategi menterjemah kembali *content* Naratif Nusantara ini dalam wajah kontemporari masakini supaya kembali menjadi relevan.

## **PENUTUP**

Perbendaharaan warisan Nusantara bukan sahaja terkandung padanya sejarah yang panjang dengan lebih 400 juta umat Islam masakini yang berkongsi darah, baka dan genetik yang sama, malahan turut sama berkongsi warisan formula-formula pembangunan modal insan yang serupa, hasil dakwah, tarbiyah alim-ulama sufi dan waliyullah silam, sehingga berhasil mewujudkan generasi demi generasi umat Islam yang damai dan berakhhlak, berkasih sayang dan mempunyai ciri salaman dan rahmatan lil’alamin.

Dengan mempelajari, memahami serta menghayati ciri-ciri peradaban Islam dalam konteks Naratif Nusantara yang telah dibentuk, dicorak, dibangun dan dikembangkan oleh

para ulama, waliyullah dan para raja atau umara silam di rantau ini, semoga dapat dibangun dan dihidupkan kembali elemen ‘tarbiyah ruhiyyah’ serta sosialisasi dan pembudayaan tasawuf melalui berbagai strategi dan taktik yang dimotori para ulama dan sultan-sultan Nusantara masakini, dengan dokongan seluruh elemen masyarakat terutama generasi muda. Sehingga ketamadunan dan peradaban Islam akan kembali bangkit dengan cinta dan nafas segar serta mencapai kejayaan yang cemerlang di Nusantara sebagaimana yang berlaku pada abad 15-18 Masihi yang dimotori oleh leluhur para ulama, waliyullah serta para raja seluruh Nusantara.. Malahan berupaya menerajui kebangkitan ummah di seluruh dunia, Biiznillah.

Wallahu ‘alam bissawab

Intaha